

# **KENYATAAN YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI MESYUARAT MAJLIS PENUH 30 NOVEMBER 2012**

---

## **1. CABUTAN BERTUAH DAN CENDERAHATI TAHUN 2013**

Sukacita saya memaklumkan bahawa bil cukai taksiran telah dipos kepada semua pemilik premis di Seberang Perai mulai 15 November 2012 dan pembayaran perlu dibuat sebelum 28 Februari 2013. Bil tersebut juga boleh disemak di Kaunter Bayaran MPSP atau di laman web MPSP iaitu [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my).

Selain itu, pembayar cukai taksiran yang membayar keseluruhan cukai tahunan 2013 beserta tunggakan pada 1 Disember 2012 hingga 31 Disember 2012 akan diberi kupon letak kereta percuma sebagai cenderahati serta layak menyertai cabutan bertuah. Pembayaran boleh dibuat di semua kaunter MPSP, laman web dan agen-agen yang sah dilantik oleh MPSP.

MPSP telah menyediakan 25,000 buku kupon letak kereta dan ia boleh didapati di Kaunter Bayaran MPSP di Bandar Perda, Jawi dan Butterworth sementara stok masih ada. Manakala hadiah cabutan bertuah pula terdiri daripada Ipad3, notebook, smartphone, barang elektrik, kamera dan lain-lain. Untuk maklumat lanjut mengenai hadiah-hadiah yang disediakan boleh didapati di [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my).

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi di talian 04-5497470 / 471/ 697/ 696/ 695/ 468 atau email ke [waran@mpsp.gov.my](mailto:waran@mpsp.gov.my).

## **2. PROGRAM SENAMROBIK BERSAMA MPSP**

Dimaklumkan Program Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Taman Tunku, Seberang Jaya pada 02 Disember 2012 dan di Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan pada 16 Disember 2012. Tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta bagi memeriahkan program ini.

## **3. PROGAM MPSP GREEN RIDE**

Dimaklumkan bahawa program berbasikal MPSP Green Ride bagi daerah Seberang Perai Selatan yang dirancangkan pada 9 Disember 2012 (Ahad), jam 7:00 pagi telah **DITUNDA** ke 16 Disember 2012 (Ahad). Acara pelepasan peserta (flag off) akan disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Merangkap Penggerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas.

Tuan-tuan dan puan-puan yang berada di sini, dijemput hadir ke program tersebut.

#### **4. PROGRAM A MILLION APOLOGISE TO MOTHER EARTH 2012**

Program A Million Apologise to Mother Earth 2012 akan diadakan pada 8 Disember 2012 di Kolam Teratai, Taman Sri Rambai. Program ini akan dirasmikan oleh Y.B Tuan Phee Boon Poh. Semua adalah dijemput untuk menghadiri program untuk memeriahkan lagi sambutan program.

#### **5. KEMPEN TANDAS BERSIH NEGERI PULAU PINANG 2012**

Tahap kebersihan tandas khususnya tandas awam masih lagi menjadi perhatian dan sungutan umum. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan kempen tandas bersih dan pertandingan tandas bersih. Skop yang ditekankan meliputi tandas di Sekolah, Kompleks Makanan, Restoran, Kedai Makan & Kopi, Pejabat-Pejabat Kerajaan dan Stesyen Minyak.

Untuk makluman semua, Majlis Perbandaran Seberang Perai telah berjaya mendapat tempat ketiga dalam pertandingan Kempen Tandas Bersih Peringkat Negeri Pulau Pinang 2012 bagi Kategori Jabatan Kerajaan.

Sementara tandas awam bagi kategori kompleks makanan / pasar awam PBT di peringkat MPSP, 3 tandas di pasar awam telah dinilai penel dan telah diberi anugerah. Pasar-pasar tersebut ialah:

**PERTAMA : PASAR AWAM TASEK GELUGOR**

**KEDUA : PASAR AWAM BUKIT PANCHOR**

**KETIGA : PASAR AWAM BAGAN AJAM**

Hadiah telah disampaikan oleh Y.A.B Tuan Lim Guan Eng ketika Majlis Penutupan Kempen Tandas Bersih Peringkat Pulau Pinang 2012 yang diadakan pada 23 November 2012 yang lalu bertempat di Sunway Carnival Convention Centre, Seberang Jaya. Johan berjaya membawa pulang wang tunai berjumlah RM2,000.00 , sijil beserta trofi. Saya berharap tandas di premis-premis dan kompleks penjaja yang lain akan meningkatkan kebersihan tandas masin-masing dengan kerjasama MPSP dan pengguna-pengguna tandas.

MPSP akan meneruskan Kempen Tandas Bersih ini untuk tahun 2013. Seperti yang dimaklumkan oleh Y.A.B Ketua Menteri di dalam ucapan untuk menjadikan kempen ini sebagai acara tahunan.

## **6. ANUGERAH PENGHARGAAN PELAKSANAAN INISIATIF HIJAU**

Sempena sambutan Hari Perancang Bandar Sedunia 2012 peringkat Persekutuan, MPSP telah mengambil bahagian dalam Anugerah Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Kejiranran Hijau. Penyertaan terbuka kepada semua PBT seluruh Malaysia. MPSP telah berjaya mendapat Anugerah Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Hijau dalam kategori Laluan Pejalan Kaki sempena sambutan Hari Perancang Bandar Sedunia 2012 peringkat Persekutuan pada 7 November 2012. MPSP mendapat hadiah

wang tunai berjumlah RM5,000.00 dan Sijil Penghargaan. Tahniah.

## **7. ANUGERAH PENGHARGAAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN PRIHATIN OKU**

MPSP telah menerima jemputan daripada Jabatan Kerajaan Tempatan untuk mengambil bahagian dalam Anugerah Penghargaan Pihak Berkuasa Tempatan Prihatin Orang Kurang Upaya (OKU) sempena sambutan Hari OKU Kebangsaan 2012. Penyertaan terbuka kepada semua PBT seluruh Malaysia.

MPSP telah mengambil bahagian dengan menghantar penyertaan kepada urusetia anugerah berkenaan dan telah dipilih sebagai salah satu daripada tiga penerima **Penghargaan Pihak Berkuasa Tempatan Prihatin OKU**. Majlis penyampaian anugerah akan diadakan pada 3 Disember 2012 di Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih